

21 SEP 1998

Anwar-ISA

ANWAR IBRAHIM MUNGKIN DITAHAN MENGIKUT ISA

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ditangkap polis di rumahnya malam tadi mungkin tidak akan didakwa di mahkamah hari ini tetapi ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor, yang dihubungi Bernama awal pagi ini mengenai bila Anwar akan dihadapkan ke mahkamah, berkata Anwar tidak akan didakwa hari ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Kamarudin Md. Ali dan para peguam Anwar malam tadi berkata Anwar dijangka dihadapkan ke mahkamah majistret hari ini.

Apabila ditanya jika Anwar tidak dibawa ke mahkamah hari ini, apakah beliau akan ditahan mengikut ISA, Rahim menjawab: "Ya... lah."

Bagaimanapun Rahim berkata siasatan akan diteruskan dan beliau tidak menolak kemungkinan Anwar didakwa di mahkamah kelak.

Ditanya mengenai sebab-sebab penangkapan Anwar, beliau berkata penangkapan itu dibuat kerana Anwar didapati terlibat dalam menimbulkan kekacauan dan rusuhan di sini petang semalam.

Rahim enggan menyatakan di mana Anwar ditahan ketika ini tetapi mengesahkan bahawa malam tadi bekas Timbalan Perdana Menteri itu dibawa ke ibu pejabat polis Bukit Aman.

Beliau juga menyatakan bahawa Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan Ruslan Kassim, seorang penyokong kuat Anwar, turut ditangkap malam tadi kerana disyaki terlibat dalam mengatur rusuhan yang berlaku.

Anwar petang semalam berucap kepada satu perhimpunan ribuan penyokongnya di Masjid Negara dan kemudian mengiringi satu perarakan ke Dataran Merdeka.

Tanpa beliau, sebahagian daripada para penyokongnya kemudian pergi ke ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Satu kekecohan berlaku yang mengakibatkan sedikit kerosakan harta benda.

Mereka kemudian berarak ke Sri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Jalan Damansara dan satu rusuhan tercetus, menyebabkan polis terpaksa melepaskan pancutan air dan gas pemedih mata.

Anwar, yang dipecat daripada Kabinet pada 2 Sept lepas, telah dibabitkan dalam tuduhan-tuduhan salahlaku seks. Dua lelaki Sabtu lepas mengaku di mahkamah sesyen bahawa mereka pernah diliwat Anwar.

Sejak pemecatannya Anwar telah melancarkan apa yang disebutnya "pergerakan reformasi" dan telah mengadakan beberapa siri ceramah umum tanpa permit polis.

Mengenai dakwaan peguam Anwar bahawa polis telah bertindak kasar ketika membuat penangkapan di rumah Anwar malam tadi, Rahim berkata tuduhan itu sekadar hendak menonjolkan kononnya polis bersikap ganas.

Sementara itu, ribuan penyokong Anwar berkumpul secara aman di perkarangan Mahkamah Majistret di Jalan Raja di sini sejak awal pagi untuk melihat kalau-kalau Anwar didakwa.

Bagaimanapun sehingga pukul 11 pagi ini Anwar belum dihadapkan ke mahkamah.

Isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail serta para peguam Anwar berada di mahkamah itu sejak kira-kira pukul 9 pagi.

Polis membuat kawalan keselamatan dan keadaan adalah terkawal.

-- BERNAMA

SLR NMO